



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017


**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI SELASA: 21 NOVEMBER 2017

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO.10, NO.12 HINGGA NO. 53)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]



Soalan No:10

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]
TARIKH : 21.11.2017
SOALAN :

Dr. Che Rosli Bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan persiapan terakhir oleh Konsultan yang dilantik dan perkembangan pembinaan kompleks sekolah di Taman Pelangi Semenyih, Hulu Langat yang telah diluluskan dalam RMK-11, rolling plan 1.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsultan bagi projek pembinaan sekolah di Taman Pelangi Semenyih, Hulu Langat telah dilantik pada 13 Disember 2016. Reka bentuk dan kos keseluruhan projek telah dimuktamadkan pada 27 April 2017 manakala permohonan serentak bagi Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Pelan Infrastruktur telah dikemukakan pada 26 Oktober 2017 kepada pihak Majlis Perbandaran Kajang. Taklimat tender dijangka akan diadakan pada bulan Februari 2018 dan kerja-kerja di tapak dijangka dapat dimulakan sebelum pertengahan tahun 2018.

3

Soalan No:12

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 21.11.2017

SOALAN :

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:

- (a) apakah tindakan pihak Kementerian untuk menjaga kebajikan guru pelatih yang berkhidmat di sekolah tanpa elaun dan guru biasa yang memegang semakin banyak tanggungjawab berbanding tugas hakiki ; dan
- (b) hasil Program Rintis Pemantapan Profesion Guru (PPG) dalam meringankan beban guru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar IPG Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) sedia ada menerima elaun sara hidup seperti yang telah diselaraskan mulai 01 Januari 2017, iaitu pada kadar RM430.00 sebulan di samping belanja tambang pergi balik pada kadar maksimum RM500 untuk sekali dalam setahun sehingga tamat pengajian. Bagi guru-guru dalam perkhidmatan, KPM sentiasa prihatin dengan kompleksiti tugas guru mereka. Pelbagai langkah

dilaksanakan seperti meningkatkan kepimpinan sekolah, mengurangkan amalan penyediaan sambutan yang berlebih-lebihan, pemantauan amalan melindungi masa instruksional dan pengintegrasian data melalui inisiatif *single sign on*.

b) KPM telah melaksanakan kajian impak bagi penempatan Pembantu Guru di sekolah. Secara keseluruhannya, pelaksanaan Program Rintis Pemantapan Profesion Guru (PPG) telah berjaya mengurangkan beban tugas operasi dan pentadbiran guru. Berikut adalah hasil kajian impak PPG;

- i. guru telah dapat memberikan lebih fokus kepada proses PdP dan tugas hakiki mereka;
- ii. berlaku penjajaran tugas guru berbentuk pentadbiran dan teknikal ICT kepada Pembantu Guru yang dilantik;
- iii. meningkatkan kualiti pengurusan data, Pusat Sumber dan Pusat Akses sekolah; dan
- iv. meningkatkan kualiti pengajaran guru dengan peningkatan waktu mengajar.

Walau bagaimanapun, program ini masih kekal dilaksanakan di Melaka dan Kedah sahaja dan belum dapat diperluas ke seluruh negara kerana melibatkan implikasi kewangan yang tinggi.